

05/06/1998

Osu kuatkan BN hadapi pilihan raya

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Osu Sukam, yang meletak jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi mulai Isnin ini, bagi mengambil alih jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, berkata beliau membuat keputusan kembali ke kancah politik negeri bagi memantapkan lagi kekuatan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya negeri akan datang.

"Ini kehendak kepimpinan parti setelah mengambil kira keadaan dan yang penting sebagai tanggungjawab demi kepentingan parti dan negeri Sabah," katanya di pejabatnya di Wisma Tanah, hari ini.

Menurutnya, beliau akan memanfaatkan sepenuhnya pengalaman bekerja selama 12 tahun di peringkat Pusat, termasuk empat tahun sebagai menteri Kabinet, yang telah 'mendewasakannya' terutama dalam melihat sesuatu perkara itu dari sudut nasional dan bukan kenegerian atau dari sudut yang sempit.

"Ini satu pengalaman yang cukup berharga dan saya akan gunakannya untuk kepentingan bukan saja Umno tetapi juga BN dan rakyat Sabah keseluruhan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan hari ini bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju agar Osu mengambil alih jawatan dalam Kabinet negeri itu yang dikosongkan oleh Datuk Ghapur Salleh, Khamis lalu.

Menurutnya, pengalaman sebagai menteri Kabinet pimpinan Dr Mahathir amat berharga dan satu penghormatan, terutama bagi rakyat Sabah atau Sarawak dan peluang itu telah memberikannya banyak pengalaman dari segi pentadbiran dan memantapkan fikirannya.

"Kalau dulu sebelum datang ke KL, saya cuma memikirkan apa yang baik untuk Sabah tetapi sekarang saya semakin dewasa, (melihat) macam mana menghadapi kehendak kepentingan masyarakat berbilang kaum.

"Kita tidak disempitkan dengan pemikiran untuk memikirkan apa yang baik," katanya.

(END)